

Kertas Bil. 22/2015




**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN
1 - 5 DISEMBER 2014**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN MSNS HOLDINGS SDN.
BHD (MSNSH)**

KERTAS BILANGAN 40/2014

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
5.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN MSNS HOLDINGS SDN BHD (MSNSH)	<p>1. Jawatankuasa memandang serius kejadian kerajaan Negeri tidak mengetahui KBKNS adalah milikan kerajaan sehingga Mesyuarat Penyelaras Pengurusan pada 4 Februari 2014. KBKNS mungkin bukan satu-satu aset yang "dilepas pandang" oleh Kerajaan Negeri dan MBI. Dengan ini, Jawatankuasa menyaran supaya Kerajaan Negeri membuat satu audit yang menyeluruh untuk mengenalpasti kesemua aset milik kerajaan dan MBI. Kerajaan negeri juga harus ada satu sistem pemantauan yang menyeluruh untuk memastikan semua aset-aset kerajaan diurus dengan baik.</p>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<p>Untuk makluman Jawatankuasa, sebelum ini Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor (KBKNS) telah diuruskan oleh Pentadbir Kompleks Belia & Kebudayaan Negeri Selangor (4 orang kakitangan). Kemudian Seksyen Sektoral telah menyediakan kertas mesyuarat MTES (Kertas EXCO-MTES No. : 4/32/2011) bagi cadangan penyerahan pengurusan KBKNS kepada MSNSH.</p> <p>MSNSH menerima salinan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) yang mengemukakan Cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 30 November 2011 kertas EXCO-MTES No. 4/32/2011 yang telah diserahkan oleh MMKN Ke 37/2011 bertarikh 7 Disember 2011 bagi kelulusan penyerahan pengurusan KBKNS kepada MSNSH.</p> <p>Kerajaan Negeri melalui Bahagian Khidmat Pengurusan tidak pernah dimaklumkan berkaitan penyerahan pengurusan KBKNS kepada MSNSH dan ini menyangkal dakwaan bahawa Kerajaan Negeri tidak mengetahui KBKNS milikan kerajaan sebelum ini KBKNS di bawah pemantauan Seksyen Sektoral, UPEN.</p> <p>Untuk makluman Jawatankuasa juga, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Khidmat Pengurusan juga telah mengambil tindakan dengan melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi membuat pemerkasaan lanjut terhadap bangunan KBKNS. Pada 6 & 7hb Mac 2014, pihak JKR telah membuat pemerkasaan berhubung perkara yang dimaksudkan. Pemeriksaan ini merangkumi bangunan, mekanikal & elektrikal. Antara yang diberi penekanan oleh pihak JKR adalah keretaikan dan mendapan pada bahagian bangunan, lampaui jalan, sistem bilik elektrik, sistem hawa dingin berpusat, sistem cegah kebakaran dll.</p> <p>Laporan penilaian pemerkasaan telah dihantar sepenuhnya pada 9 Jun 2014, pihak JKR menganggarkan Kos baikpulih keselamatan berjumlah RM 2,221,895.00. Status terkini berkaitan KBKNS adalah dalam proses memuktamadkan Perjanjian Pengurusan antara MSNSH dan Kerajaan Negeri.</p>
		<p>2. Selain itu, ini bukan kali pertama Jawatankuasa menemui kesan anak syarikat menandatangi perjanjian berat sebelah yang tidak mempunyai exit clause seperti perjanjian antara MSNSH dan syarikat pengendali Carlton Hotel. Dengan ini, Jawatankuasa menyaran kerajaan negeri dan MBI supaya menyemak semula perjanjian berat sebelah yang ditandangani oleh semua anak-anak syarikat dan mengenal pasti puncanya samada kecualian atau penyelewangan. Jawatankuasa berharap kerajaan negeri dapat</p>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<p>Perjanjian ini telah ditandatangi pada bulan Julai 2006 oleh Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor dan tiada kaitan dengan MBI kerana sebelum berjumiah penubuhan tahun 1991 merupakan anak syarikat Majlis Sukan Ng. Negeri (sejak 1991 hingga Julai 2009. Syarikat juga tidak menyambung kontrak perkhidmatan pegawai yang menandatangani perjanjian tersebut.</p> <p>YB TUAN AMIRUDIN SHARI Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO)</p> <p></p>



Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		mengambil akan disiplin terhadap pegawai yang membuat kesilapan sehingga mengakibatkan perjanjian berat menyebabkan ditandatangani dan anak-anak syarikat.			MSNSH mengambil maklum teguran Jawatankuasa dan telah mengambil tindakan untuk perjanjian yang lain di mana pihak MSNSH telah mengambil contoh perjanjian dengan MBI dan memastikan setiap perjanjian dibuat mempunyai "exit clause" serta bagi kes-kes terentu pihak MSNSH juga memohon khidmat Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.
3.	Pada masa akan datang, MSNSH harus memastikan setiap perjanjian pengurusan yang besar mempunyai implikasi kewangan yang dimaklumkan kepada pihak MBI dan dibentangkan dalam MMKN.		✓		MSNSH telah mengambil inisiatif bagi membayar balik pendahuluan yang diterima daripada pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dengan jumlah sewaran ruang pejabat di Carlton Holiday akan di "kontra off" dengan jumlah pendahuluan yang diterima daripada Majlis Sukan Negeri Selangor. Dijangka selesai pada Julai tahun 2020.
4.	Pihak MBI dan MSNSH harus mencari jalan untuk menyelesaikan hutang terkumpul yang tinggi yang diwarisi oleh MSNSH.		✓		MSNSH mengambil maklum dengan teguran audit dan akan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah MBI pada masa akan datang serta menggunakan pekeliling yang dikeluarkan oleh MBI.
5.	MSNSH harus memastikan pemberian bonus adalah berbandukan kepada prestasi dan perkara seperti pemberian bonus pada tahun 2012 tidak diulangi lagi. Pemberian bonus juga harus dimaklumkan kepada pihak MBI dan dibentangkan di dalam MMKN.		✓		Pihak MSNSH mengambil maklum dengan teguran audit dan akan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah MBI pada masa akan datang serta menggunakan pekeliling yang dikeluarkan oleh MBI.
6.	MSNSH harus meningkatkan prestasi pulangan atas aset supaya keuntungan yang dianugerahkan kepada asset sekurang-kurangnya boleh menanggung kos penyelenggaraannya.		✓		Pihak MSNSH juga telah meningkatkan prestasi syarikat di mana MSNSH telah berjaya mengurangkan hutang terkumpul dan mencatatkan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2013 berjumlah RM247,098 sebagaimana carta 2.1 trend keuntungan sebelum cukai (di bawah) :-



YB TUAN AMIRUDIN SHARI

Ahli Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri Selangor
(FXCC)

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		<p>Tetapi untuk jangka masa pendek, pihak MBI Perlu memberikan bantuan kewangan kepada MSNSH memandangkan ia tidak mampu untuk membayai kos penyelenggaran sendiri. Pembantuan kewangan ini adalah untuk memastikan supaya asset-asset dibawah MSNSH yang dalam keadaan buruk seperti yang ditunjukkan di Laporan Audit Negara dapat disempurnakan dalam masa yang terdekat.</p>	✓		<p>Pihak MSNSH mengambil maklum dengan teguran berikut adalah tindakan yang telah diambil, MBI telah membuat lantikan kontraktor Panorama Utama Enterprise pada 9hb Januari 2014 yang lalu bagi kerja-kerja membaikpulih bumbung bangunan Hotel Carlton. Kerja-kerja baikpulih bumbung telah pun siap sepenuhnya pada 11hb April 2014 dan pihak MBI juga telah membuat pemantauan berhubung perkara ini.</p> <p>Gambar 1.6 Keadaan Bumbung Hotel Yang Berlumut Akibat Takungan Air Hujan</p> <p>Tahun 2012</p>  <p>Tahun 2013</p>  <p>Sumber: Jabatan Audit Negara Lokasi: Bumbung CHHS Tarikh: 18September 2013 Keadaan Bumbung Yang Telah Siap Dibaikpulih Sepenuhnya pada 11hb April 2014</p> <p>Tahun 2014</p>  <p>Sumber: MSNSH Lokasi: Bumbung CHHS Tarikh: 28Mei2012 Keadaan Bumbung Yang Telah Siap Dibaikpulih Sepenuhnya pada 11hb April 2014</p> <p>Sumber: MSNSH Lokasi: Bumbung CHHS Tarikh: 11April2014</p>

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKDN	Ulasan MMKDN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju
	7. Secara keseluruhaninya, model perniagaan MSNSH perlu dikaji semula. Ia harus ada satu rancangan ataupun strategi yang lebih profesional untuk menguruskan aset-aset supaya dapat meningkatkan prestasi kewangan syarikat.	✓		MSNSH mengambil maklum dan akan mengkaji model perniagaan sebagaimana saranan Jawatankuasa bagi meningkatkan prestasi kewangan syarikat.

YB TUAN AMIRUDIN SHARI
Ahli Majlis Mesyuarat
Kerajaan Negeri Selangor
(EXCO)